

Kajian Keberkesanan Undang-undang Faraid di Malaysia

Studies of Effectiveness Islamic Inheritance Law in Malaysia

SUHAIMI AB RAHMAN, RASYIKAH MD KHALID & ABU BAKAR JAAFAR

ABSTRAK

Undang-undang pentadbiran harta pusaka Islam atau faraid yang sedia ada di Malaysia adalah gabungan di antara undang-undang sivil dan hukum Syarak. Walaupun undang-undang ini telah diamalkan berabad lamanya namun ianya memerlukan penelitian semula, memandangkan terdapat beberapa isu-isu yang membabitkan sistem pengurusan dan pentadbiran pusaka yang masih kabur, tidak jelas dan mengelirukan. Malahan masih ramai orang Islam yang tertanya-tanya apakah proses penyelesaian pusaka yang sebenarnya, yang mudah dan berkesan, serta siapakah yang sebenarnya terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran harta pusaka. Ini kerana terdapat empat agensi yang terlibat iaitu Amanah Raya Berhad, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah. Sehubungan dengan itu keperluan kepada sistem yang berkesan amat mendesak supaya keadilan dalam keluarga dan masyarakat dapat ditegakkan. Kajian ini melibatkan analisa undang-undang pentadbiran faraid di Malaysia dan kajian lapangan mengenai keberkesanan undang-undang dalam memastikan pentadbiran harta pusaka orang Islam yang berkesan. Dapatan kajian antara lain merumuskan bahawa Akta Pusaka Kecil 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 perlu disemak dan dipinda semula untuk memperkemarkan pengurusan dan pentadbiran faraid dan penubuhan mahkamah pusaka atau satu pusat sehenti yang mengurus dan mentadbir harta pusaka orang Islam. Sekiranya undang-undang berkesan dan memudahkan masyarakat, keadilan dapat ditegakkan dan orang Islam akan mendapat faedah yang begitu banyak termasuk faedah sosial dan ekonomi di mana ahli keluarga akan reda dengan hak mereka disamping dapat menggunakan harta yang diperolehi untuk keperluan ekonomi.

Kata kunci: Undang-undang sivil; harta pusaka; hukum syarak; ekonomi; sosial

ABSTRACT

Administrative law of the Islamic faraid existing in Malaysia is a combination between the civil law and Islamic law. Although this law has been practiced for centuries but it requires review, since there are several issues that involve system management and administration estate which is still fuzzy, unclear and misleading. But still many Muslims who wonder what the real estate settlement process, which is simple and effective, as well as who is actually involved in the management and administration of the estate. This is because there are four agencies involved namely Amanah Raya Berhad, a section of Small estate distribution, High Court and Syariah Court. In this regard the need to effective system is very demanding so that justice in family and community be upheld. This study involved the analysis of faraid administrative law in Malaysia and field research on the effectiveness of the law in ensuring the administration of effective Muslim lands. The findings of the study include the conclusion that the Small Estate Act 1955 and the Probate and Administration Act 1959 need to be revised and revised to streamline the management and administration of faraid and establishment of an heir court or one-stop center which manages and administers the estate of Muslims. If laws are effective and facilitate the society, justice can be enforced and Muslims will benefit so much, including social and economic benefits where family members will lose their rights besides being able to use the property acquired for economic needs.

Keywords: Civil Law; inheritance; Syariah Law; economy; social

PENGENALAN

Islam merupakan agama yang telah sempurna dan ajaran yang boleh menangani pelbagai permasalahan yang timbul secara menyeluruh dalam aspek kehidupan. Bahkan Islam menyediakan satu sistem perundangan yang lengkap yang diperlukan untuk mengatur kehidupan manusia. Satu daripada undang-undang itu ialah undang-undang faraid yang berguna untuk pengurusan dan pentadbiran harta pusaka. Faraid adalah ilmu pembahagian harta pusaka kepada keluarga Islam yang ditinggal oleh seseorang yang telah meninggal dunia. Oleh itu, ilmu faraid perlu dijadikan asas kepada undang-undang pembahagian harta pusaka Islam agar waris yang ditinggal mendapat bahagian harta pusaka yang sepatutnya. Kekaburan dan kekeliruan akibat daripada kepelbagaian undang-undang dan juga agensi yang diberi kuasa untuk mengurus dan mentadbir harta pusaka Islam membawa kepada pelbagai komen dan rungutan masyarakat sehinggakan ada yang menyalahkan pihak Mahkamah Syariah, Pejabat Tanah dan agensi lain apabila urusan pusaka mereka tidak selesai, berlaku ketidakadilan dan lain-lain. Meskipun komen dan rungutan itu tidak semuanya tepat, ia tetap mengambarkan terdapat isu yang perlu dikaji secara lebih mendalam.

Apabila sistem pentadbiran dan pengurusan harta pusaka yang ada pada hari ini dikaji dari perspektif kebajikan orang Islam secara kasarnya dapat dilihat terdapat kelemahan tertentu akibat daripada sistem perundangan Malaysia yang pada dasarnya melibatkan dua buah kerajaan, iaitu Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Oleh itu satu kajian diperlukan untuk meneliti undang-undang yang dipakai dalam sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia untuk menilai kelebihan dan kekurangan yang ada dan mencadang penambahbaikan. Kajian juga amat wajar dijalankan untuk menghalusi proses dan prosuder pengurusan harta pusaka di Negara bagi mencari kaedah pengurusan yang membawa kepada penyelesaian yang adil dan efektif.

PENTADBIRAN HARTA PUSAKA ORANG ISLAM DI MALAYSIA

Urusan pembahagian harta pusaka di Malaysia dikendalikan oleh empat institusi yang telah ditetapkan bidang kuasa masing-masing iaitu Amanah Raya Berhad, Seksyen Pembahagian

Pusaka Kecil, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah. Pengagihan kuasa kepada agensi yang empat ini adalah berpunca daripada bentuk sistem perundangan Malaysia yang membahagikan kuasa perundangan kepada Persekutuan dan Negeri. Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan menetapkan kuasa membuat undang-undang peringkat persekutuan dan negeri adalah tertakluk kepada senarai Persekutuan dan Senarai Bersama serta Senarai Negeri. Perkara 74(1) menjelaskan tentang kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang mengenai perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan yang termasuk di bawahnya (i) pewarisan, berwasiat atau tidak berwasiat, dan (ii) probet dan surat kuasa mentadbir.

Sementara itu Perkara 74(2) menjelaskan bahawa badan perundangan sesuatu Negeri berkuasa membuat undang-undang mengenai perkara dalam Senarai Kedua Jadual Kesembilan termasuk undang-undang berkaitan pewarisan, berwasiat atau tidak berwasiat. Walaubagaimanapun, Senarai Kedua telah juga menghadkan kuasa mahkamah Syariah dengan penggunaan frasa “kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan”. Sekiranya Perkara 74 dan Senarai Kedua Jadual Sembilan diteliti, secara literalnya menunjukkan kuasa membuat undang-undang berkaitan pusaka orang Islam berada di tangan Parlimen dan bukannya majlis perundangan negeri. Dalam hal ini akta yang diluluskan dan terpakai ialah akta-akta yang telah disenaraikan di atas.

Selanjutnya Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, hasil pindaan yang dibuat pada tahun 1988, dengan jelas menentukan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Bidang kuasa Mahkamah Syariah perlu dirujuk semula ke Senarai Kedua Jadual Sembilan iaitu termasuk hukum Syarak berkaitan pewarisan sama ada berwasiat ataupun tidak berwasiat. Walaubagaimanapun, had kuasa yang ditetapkan dalam Senarai Kedua Senarai Negeri menjadi sumber kekeliruan tentang kuasa sebenar Mahkamah Syariah dalam pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam kerana ia seolah mengiakan tafsiran literal Senarai Pertama dan Kedua yang menunjukkan perkara Persekutuan berkuasa membuat undang-undang berkaitan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka sekalipun harta pusaka itu melibatkan orang Islam.

Dalam kes *Jumaaton & Raja Delila lwn Raja Hizaruddin* (1998) 6 MLJ 556, Mahkamah Tinggi Syariah telah memutuskan bahawa kuasa berkaitan probet adalah kuasa Mahkamah Tinggi

berdasarkan Senarai 1 Jadual Sembilan Perembagaan Persekutuan. Keputusan ini telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan ketika itu Sheikh Ghazali Abdul Rahman menegaskan: “Sungguhpun semua pihak dalam kes ini adalah orang Islam, namun demikian kuasa untuk mentadbir harta pusaka telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi (Sivil). Ini disebabkan oleh kerana perkara probet dan surat mentadbir pusaka diletakkan di bawah senarai kuasa perundangan Persekutuan (Senarai 1 Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan) dan tidak dikecualikan bagi orang Islam. Oleh kerana itu, undang-undang mengenai probet dan pentadbiran pusaka terdapat dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).”

PERKEMBANGAN PERUNDANGAN FARAID DI MALAYSIA

Latar belakang sistem perundangan dengan jelasnya telah dihuraikan oleh Tun Saleh Abas yang ketika itu Hakim Mahkamah Agung dalam kes *Che Omar bin Che Soh v Public Prosecutor, Wan Jalil bin Wan Abdul Rahman & Anor v Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 55 hlm 56-57 di mana beliau mengatakan (alih bahasa):

“Sebelum British datang ke Malaya, yang ketika itu dikenali sebagai Tanah Melayu, sultan-sultan di setiap negeri masing-masing adalah kepala kepada bukan sahaja agama Islam tetapi juga sebagai pemimpin-pemimpin politik di negeri masing-masing, iaitu Islam dalam erti kata yang sebenarnya, kerana, bukan sahaja mereka sendiri adalah orang Islam, rakyat mereka juga orang Islam dan undang-undang yang terpakai di negeri-negeri tersebut adalah undang-undang Islam. Di bawah undang-undang itu, sultan dianggap sebagai khalifah Tuhan (wakil) di bumi. Beliau telah diamanahkan dengan kuasa untuk mentadbir negara mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh Islam, iaitu undang-undang Islam dan untuk memastikan undang-undang itu dikuatkuasakan. Bagaimanapun, apabila British datang, melalui satu siri perjanjian dengan sultan-sultan yang bermula dengan Perjanjian Pangkor dan melalui sesuatu yang dinamakan nasihat British, agama Islam dipisahkan kepada dua aspek yang berasingan, iaitu. aspek awam dan aspek peribadi. Pembangunan aspek awam Islam telah meninggalkan agama sebagai suatu perkara sampingan kepada kuasa dan kedaulatan pemerintah. Pemerintah tidak lagi dianggap sebagai khalifah Allah di bumi tetapi dianggap sebagai berdaulat dalam wilayahnya. Konsep kedaulatan manusia adalah asing kepada agama Islam kerana dalam

Islam, kedaulatan adalah kepunyaan Allah semata-mata. Dengan meletakkan kedaulatan kepada pemerintah, i.e., iaitu kepada manusia, sumber wahyu kesahihan undang-undang telah diputuskan dan dengan itu British menukar sistem kepada sebuah institusi sekular. Oleh itu kesahihan semua undang-undang termasuk pentadbiran undang-undang Islam mestilah berdasarkan fiat (dekri) sekular. Walaupun secara teori kedaulatan pemerintah adalah mutlak dalam erti kata bahawa dia boleh melakukan apa yang dia suka, dan memerintah mengikut apa yang dia fikir patut, Perjanjian Anglo / Melayu telah menghadkan kuasa ini.”

Kedaulatan Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara menghadkan undang-undang Islam kepada undang-undang perkahwinan, perceraian dan perwarisan sahaja. Malah Perkara 162 dengan sengaja mengekalkan pemakaian undang-undang sekular yang telah ada sebelum kemerdekaan iaitu sebelum Perlembagaan digubal (Tun Saleh Abas 1988).

Pengurusan dan pentadbiran harta pusaka merujuk kepada proses perundangan yang melibatkan pelbagai statut dan peraturan undang-undang, prosedur, dan surat cara (instrument) bagi membahagikan harta peninggalan seseorang kepada yang layak menerima harta tersebut. Ia juga membabitkan banyak pihak termasuk ahli waris, saksi, agensi-agensi di mana harta itu didaftarkan, disimpan dan sebagainya, serta agensi yang berkuasa untuk membuat keputusan tentang harta pusaka tersebut seperti Mahkamah Tinggi, Seksyen Pusaka Kecil, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Syariah.

Pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia pada amnya jatuh di bawah bidang kuasa Persekutuan berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan di bawah Senarai Pertama Jadual Sembilan bahawa Parlimen berkuasa membuat undang-undang tentang pusaka, berwasiat ataupun tidak. Melalui AHPK 1955, APP 1959, dan APAR 1995 kuasa-kuasa itu diagihkan kepada tiga badan iaitu Mahkamah Tinggi, Seksyen Pemabahagian Pusaka Kecil, dan Amanah Raya Berhad (Mohd Zamro Muda 2006)

Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan melalui beberapa Perkara seperti Perkara 74 dan juga Perkara 121(1A) telah memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar kes-kes berkaitan dengan hukum Syarak termasuk undang-undang diri berkaitan dengan pusaka, berwasiat ataupun tidak. (Senarai Kedua Jadual Sembilan). Menurut Tan Sri Harun Hashim, Hakim Mahkamah Agung ketika itu,

didalam kes *Mohd. Habibullah bin Mahmood lwn Faridah bte Dato Talib* [1992] 2 MLJ 803-804, pindaan Perkara 121 yang dibuat pada tahun 1988 dengan memasukkan Perkara 121(1A) memberikan bidang kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah untuk menghakimi perkara-perkara yang secara sah telah diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Tujuan pindaan Perkara 121 lebih jelas diterangkan oleh YAB Perdana Menteri (pada masa itu (dipetik dalam kes *Ajar bt Taib dan lain-lain lwn Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis 2014*] 9 MLJ 321):

“Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sering menjadi sungutan dan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Islam di Negara ini ialah keadaan di mana mahkamah-mahkamah sivil dapat mengubah atau membatalkan sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah. Misalnya, pernah berlaku keadaan di mana seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Syariah tentang penjagaan kanak-kanak telah membawa guaman itu ke Mahkamah Tinggi pula dan berjaya mendapat keputusan yang berlainan. *Kerajaan berpendapat bahawa keadaan seperti itu menjejaskan kewibawaan Mahkamah Syariah dan pentadbiran hukum Syara’ di kalangan umat Islam di negara ini. Adalah sangat penting menjamin kewibawaan Mahkamah Syariah oleh kerana sudah sewajarnya Mahkamah Syariah diberi kuasa penuh untuk menentu dan memutuskan perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasanya, apatah lagi kerana perkara-perkara itu melibatkan Hukum Syara’.* (penekanan ditambah)

Kajian ini adalah kajian sosio-undang-undang (*socio-legal*). Penyelidikan sosio-undang-undang adalah satu penyelidikan undang-undang yang menggunakan kaedah yang diambil dari disiplin lain untuk menjana data empirikal untuk menjawab soalan penyelidikan. Kajian berbentuk ini boleh berasaskan masalah, dasar atau pembaharuan undang-undang.

KAEDAH KUANTITATIF

Kaedah Kuantitatif digunakan sebagai langkah asas untuk meninjau adakah isu yang menjadi persoalan pokok kepada kajian ini merupakan isu yang pada pandangan umum adalah satu perkara yang perlu kepada kajian. Soalan kajiselidik disediakan dan diedarkan kepada 29 responden dari kalangan peserta forum yang telah dianjurkan. Sebanyak 29 soalselidik telah diperolehi dimana 3 daripadanya adalah rosak dan hanya 26 soalselidik

yang layak dianalisa. Responden terdiri daripada pengamal undang-undang, pentadbir harta pusaka, ahli akademik, dan orang awam. Responden terlibat dalam pentadbiran harta pusaka dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Data yang diperolehi melalui kaji selidik telah dianalisa dengan analisis statistik diskriptif menggunakan perisian SPSS 22. Tujuannya analisis ini ialah untuk melihat maklumat demografi, pemahaman konsep faraid, pelaksanaan undang-undang faraid, dan keberkesanan pentadbiran dan pengurusan faraid. Statistik diskriptif menghuraikan apa sahaja yang ditunjukkan oleh data.

SISTEM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN HARTA PUSAKA ISLAM

Sebelum merdeka pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Negeri atau Mahkamah Syariah. Pada ketika itu Jabatan Agama Islam Negeri dan Mahkamah Syariah mempunyai kuasa penuh termasuk membuat undang-undang berkaitan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam. Namun, keadaan berubah selepas Negara mencapai kemerdekaan pada 1957 di mana urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam telah diletakkan di bawah tanggungjawab pusat. Oleh itu, tanggungjawab Jabatan Agama Islam Negeri dan Mahkamah Syariah telah dikurangkan kepada penentuan tentang harta pusaka, waris dan kadar pembahagian sahaja.

Bagi tujuan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing agensi-agensi berkenaan tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Persekutuan, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Hukum Syarak. Peruntukan-peruntukan undang-undang berkaitan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam adalah seperti berikut:-

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi Negara dan mana-mana undang-undang yang dibuat bertentangan dengan Perlembagaan dianggap tidak sah. Bagi urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam Perlembagaan Persekutuan telah membahagikan tanggungjawab tersebut kepa-

da kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Perkara 4 (e) (i) Senarai 1 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:-

(e) Tertakluk kepada perenggan (ii), perkara yang berikut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan;

(i) ... *pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat; probet dan surat kuasa mentadbir;*

(ii) perkara yang disebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri Islam yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, undang-undang keluarga, *alang atau pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat;*

Manakala Perkara 1 Senarai 2 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan:-

1. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk *hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat...*

Berdasarkan pembahagian tugas dan kuasa ini maka dapat difahami bahawa kuasa kerajaan pusat adalah melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka orang Islam manakala kuasa kerajaan negeri adalah setakat menentukan persoalan berkaitan dengan hukum Syarak dan undang-undang diri sahaja.

Perkara ini dijelaskan dalam kes *Jumaaton dan Raja Dalila lwn Raja Hararuddin* (Wilayah Persekutuan Mal Bil. 4 tahun 1997 – Jurnal Hukum Jld. XII Bahagian II 1998) di mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan menyebut:-

“Sungguhpun Senarai 2 Jadual Kesembilan itu menyebut mengenai ‘Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat’ dan ‘pembahagian harta’ apabila rujukan dibuat kepada Senarai 1 Perlembagaan Persekutuan Jadual Kesembilan itu, ini tidak termasuk probet dan surat mentadbir pusaka. Perkara (e) perenggan (i) dalam Senarai Persekutuan itu menyebut bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang antara lain mengenai ‘pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, probet dan surat mentadbir pusaka’. Kemudian dalam bahagian (1) tidak termasuk undang-undang diri orang-orang Islam berhubung dengan ‘pemberian atau pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat’. Ini bermakna undang-undang mengenai ‘probet dan surat mentadbir pusaka’ dimasukkan dalam Senarai Persekutuan. Negeri dan Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa atau bidangkuasa dalam perkara ‘probet dan surat mentadbir pusaka’. Inilah sebabnya mengapa undang-undang mengenai ‘probet dan surat

mentadbir’ bagi semua orang di Malaysia terdapat dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Oleh kerana perkara-perkara itu biasanya terlibat dengan probet dan surat mentadbir pusaka, pertikaian mengenai perkara-perkara itu perlu diselesaikan di Mahkamah Sivil, yang diberi kuasa mengenai probet dan mentadbir pusaka itu ...”

UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN

Undang-undang Persekutuan adalah undang-undang yang dibuat di Parlimen dan terpakai di seluruh Persekutuan. Bagi menjalankan tugas dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam terdapat beberapa peruntukan dibuat oleh Parlimen. Peruntukan-peruntukan ini dinyatakan di dalam Akta-akta berikut:-

Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Bidangkuasa Mahkamah Tinggi berkenaan dengan probet dan surat kuasa mentadbir telah dinyatakan di dalam seksyen 24.

Seksyen 24 “Tanpa menjejaskan seksyen 23, bidang kuasa sivil mahkamah tinggi hendaklah termasuk; (e) bidang kuasa untuk memberi probet bagi wasiat testamen dan surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka si mati yang meninggalkan harta di dalam bidang kuasa wilayah mahkamah itu dan untuk menukar atau membatalkan pemberian tersebut”

Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Selain daripada peruntukan seksyen 24 di atas seksyen 77 A Akta Probet dan Pentadbiran 1959 juga memberi kuasa mengeluarkan surat kuasa probet, surat kuasa tadbir atau surat kuasa tadbir dengan wasiat berkembar apabila permohonan dibuat oleh pihak-pihak tertentu untuk menuntut pembahagian pusaka besar kepada Mahkamah Tinggi.

Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Akta ini memberi kuasa kepada Pejabat Pusaka Kecil bagi tujuan melaksanakan tugas berkaitan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam.

Seksyen 3(3) Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 – “Bagi maksud Akta ini suatu harta pusaka kecil ertinya suatu harta simati yang mengandungi keseluruhan atau sebahagian harta tak alih yang terletak dalam mana-mana negeri dan tiak melebihi dua juta ringgit dalam nilai total”

Seksyen 4(1) Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 – “Kecuali sebagaimana Akta ini memperuntukan sebaliknya tiada kepentingan dalam apa-apa harta pusaka kecil hendaklah diturunkan atau terletak dalam mana-

mana orang menurut kuasa mana-mana instrument selain daripada suatu perintah atau pemberian yang dibuat di bawah Akta ini”

Seksyen 12(7) Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 – “Pentadbir Tanah hendaklah menentukan, dalam apa cara yang paling sesuai, undang-undang yang terpakai kepada penurunan harta pusaka si mati, dan hendaklah memutuskan siapa mengikut undang-undang itu adalah benefisiari-benefisiari dan kadar syer dan kepentingan masing-masing”

Seksyen 19(1)(a) Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 – “Jika soalan itu berkaitan dengan undang-undang Islam atau adat Melayu atau undang-undang anak watan atau adat Sabah atau Sarawak, merujuk perkara itu untuk mendapat keputusannya kepada pihak berkuasa negeri (Ruler of the State) di mana daerahnya terletak atau kepada mana-mana orang lain atau kumpulan orang sebagaimana yang diarahkan oleh Raja itu”

Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969. Akta ini boleh mengiktiraf Pentadbir Tanah sebagai Majistret Kelas Ketiga dalam menjalankan tugas mereka sebagai ‘Pemungut’ dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam.

Seksyen 2 (2) Sesuatu perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen ini—(a) boleh mengadakan peruntukan mengenai pemindahan apa-apa harta, hak atau tanggungan yang dipegang, dinikmati atau dilakukan oleh mana-mana Menteri berhubung dengan apa-apa fungsi yang diberikan atau dipindahkan itu.

Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Seksyen 17 memberi kuasa kepada Amanah Raya Berhad untuk bertindak samada sebagai pemohon atau pentadbir harta pusaka orang Islam.

17. (1) Apabila mana-mana orang meninggal dunia, sama ada berwasiat atau tidak berwasiat, dengan meninggalkan harta alih di Malaysia dan Perbadanan berpuas hati selepas apa-apa penyiataan yang difikirkannya mencukupi—

(a) bahawa nilai keseluruhan harta itu tanpa ditolak hutang, tetapi tidak termasuk nilai apa-apa harta yang dimiliki si mati atau yang si mati berhak kepadanya sebagai pemegang amanah dan bukan secara benefisial, tidak melebihi enam ratus ribu ringgit; dan

(b) bahawa tiada orang berhak memohon kepada Mahkamah bagi pemberian probet bagi wasiat atau tiada petisyen bagi surat kuasa mentadbir yang belum selesai, Perbadanan hendaklah, atas permohonan orang yang membuat tuntutan ke atas harta itu dan jika difikirkannya patut dibuat sedemikian, secara bertulis mengisytiharkan bahawa ia mengaku janji untuk mentadbirkan harta itu, dan sesudah itu Perbadanan diberikan kuasa untuk mentadbirkan harta itu seolah-olah surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka orang yang mati itu telah diberikan

kepada Perbadanan, dan resit Perbadanan hendaklah menjadi pelepasan yang mencukupi bagi mana-mana orang yang membayar apa-apa wang atau yang menyerahkan apa-apa harta kepada Perbadanan; dan notis mengenai tiap-tiap perisytiharan sedemikian hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah yang sesuai.

UNDANG-UNDANG NEGERI

Undang-undang negeri adalah undang-undang yang dibuat di Dewan Undangan Negeri dan terpakai kepada negeri terbabit sahaja. Setakat ini tidak ada undang-undang negeri khusus digubal berkenaan dengan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam. Apa yang ada hanyalah peruntukan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam persoalan penentuan harta pusaka, waris dan kadar pewarisan (Mashitoh 2006). Biasanya peruntukan ini boleh didapati sama ada daripada Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri-negeri) atau pun Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri-negeri). Sebagai contoh:

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993

Seksyen 46 memperuntukkan:-

(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah--

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan—

(viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;

(ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak; atau

Seksyen 50. Perakuan-perakuan pewarisan.

Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati Islam, mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau suatu Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kewajipan untuk menentukan orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masingnya berhak, Mahkamah Syariah bolehlah, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari, atau wakilnya dan setelah dibayar olehnya fee yang ditetapkan, memperakukan

fakta-fakta yang didapati olehnya dan pendapatnya mengenai orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu dan mengenai bahagian-bahagian yang padanya mereka masing-masingnya berhak.

Peruntukan-peruntukan di atas dengan jelas menunjukkan bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah sangat minimal di mana tugas Mahkamah Syariah dihadkan kepada:-

1. Menentukan waris yang berhak menerima harta pusaka.
2. Menentukan kadar pewarisan bagi setiap waris yang berhak.

Dengan kata lain Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa dalam pentadbiran atau mengeluarkan perintah berkaitan pembahagian harta pusaka.

MASALAH DAN KEKANGAN DALAM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN HARTA PUSAKA ISLAM

Walaupun Perlembagaan Persekutuan telah secara jelas membahagikan kuasa pengurusan dan pentadbiran harta pusaka di kalangan orang Islam, ini tidak bererti bahawa sistem sedia ada adalah terbaik. Malah terdapat keluhan di kalangan orang awam yang menyatakan bahawa mereka masih belum puas hati terhadap perkhidmatan yang diberi. Ini kerana pada kebiasaannya mereka terpaksa pergi ke lebih daripada satu tempat bagi menyelesaikan masalah tuntutan harta pusaka mereka. Sistem sedia ada telah membenarkan kepelbagaian di mana terdapat agensi berbeza dalam mengurus hal-ehwal harta pusaka orang Islam di Negara ini. Kepelbagaian ini kadangkala menimbulkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab masing-masing dan ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan orang awam. Perkara ini tidak berhenti di situ sahaja di mana acap kali ia akan melibatkan integriti sesebuah agensi yang menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Ini jelas daripada hasil soal selidik yang mendapati bahawa majoriti responden melihat sistem atau undang-undang pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam sedia ada kurang jelas dan tidak efektif.

Walaupun pada hakikatnya Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk menentukan persoalan tentang harta pusaka, waris dan kadar pewarisan, namun dari segi amalan perkara ini bukanlah menjadi suatu kewajipan di dalam sesuatu prosiding.

Mahkamah Tinggi Sivil dan Seksyen Pusaka Kecil di JKPTG boleh menentukan perkara tersebut dan ini biasa berlaku sekiranya tiada bantahan daripada ahli waris.

Malah seksyen 19 Akta Pusaka Kecil dan Pembahagian 1955 menggunakan perkataan “*may*” menunjukkan Pentadbir Pusaka Kecil tidak wajib merujuk ke Mahkamah Syariah sekalipun terdapat persoalan hukum Syarak dalam apa-apa prosiding di bawah Akta Pusaka Kecil dan Pembahagian 1955. Temubual dengan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Shah Alam Puan Farah Nasihah Binti Annuar menjelaskan bahawa di bawah Aturan 71 Peraturan-peraturan Mahkamah 2012 Mahkamah Tinggi juga tidak diminta merujuk ke Mahkamah Syariah atas apa-apa isu berkaitan dengan permohonan pusaka oleh waris. Kesan kuasa budi bicara (*discretionary power*) ini menyebabkan Mahkamah Tinggi tidak perlu pengesahan waris melalui Sijil Faraid dari Mahkamah Syariah dalam prosiding harta pusaka orang Islam. Perkara yang sama juga berlaku di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 kerana akta itu juga tidak mewajibkan Mahkamah Tinggi merujuk ke Mahkamah Syariah dalam isu melibatkan hukum Syarak.

Kedudukan Mahkamah Syariah dalam sistem pentadbiran harta pusaka Islam adalah sebagai pelengkap kepada agensi persekutuan lain. Dengan kata lain Mahkamah Syariah berperanan memberi nasihat serta memutuskan isu-isu berkaitan Syariah sekiranya timbul semasa prosiding pembahagian harta pusaka Islam. Oleh itu Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa dalam soal pembahagian harta pusaka Islam kecuali memutuskan harta pusaka Islam, siapakah waris dan berapakah kadar harta pewarisan yang akan diperolehi waris tersebut.

Bidang kuasa terhad ini telah menimbulkan masalah; pertama di pihak ahli waris, dan kedua, di pihak Mahkamah Syariah sendiri. Pada kebiasaannya pelanggan akan datang ke sesuatu tempat dengan harapan untuk menyelesaikan masalah mereka. Namun, perkara ini tidak berlaku apabila ahli waris datang membuat tuntutan di Mahkamah Syariah kerana pada hakikatnya Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan surat perintah pembahagian harta pusaka. Ini akan menyusahkan orang awam termasuk Mahkamah sendiri apabila mereka terpaksa membuat perintah bagi pihak agensi lain dan keputusan itu tidak diterima oleh agensi berkenaan.

PERKARA 121(1A) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Walaupun Perkara 121(1A) dengan jelas memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil tiada bidangkuasa dalam persoalan berkaitan hukum Syarak masih terdapat beberapa kes di mana perkara tersebut dibicara dan diputuskan di Mahkamah Sivil. Perkara ini telah menyebabkan ketidak seragaman di dalam undang-undang tambah-tambah lagi apabila kes itu dibicarakan di dua Mahkamah ini dan keputusannya pula berbeza.

Penentuan tentang harta pusaka, waris dan kadar pewarisan seharusnya menjadi hak eksklusif Mahkamah Syariah. Selain daripada itu terdapat juga beberapa agensi persekutuan lain menjalankan tugas Mahkamah Syariah, umpamanya dalam kes siasatan waris. Keadaan ini telah menyebabkan orang awam menjadi keliru tambahan lagi apabila keputusan yang dibuat berbeza dengan keputusan awal Mahkamah Syariah.

KEPELBAGAIAN AGENSI DALAM MENGURUSKAN HARTA PUSAKA ISLAM

Seperti dibincangkan di atas terdapat sekurang-kurangnya empat agensi yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia. Kepelbagaian agensi ini walau bagaimanapun telah menimbulkan pelbagai masalah di kalangan ahli waris. Masalah akan menjadi lebih rumit dan mengelirukan apabila kes pusaka dibicara dan diputuskan di dua agensi berbeza dan keputusannya berbeza. Terdapat dua kemungkinan apabila perkara seperti ini berlaku; pertama, orang awam menjadi keliru, dan kedua orang awam akan hilang kepercayaan terhadap agensi pertama yang mengeluarkan keputusan tidak menyebelahi mereka. Terdapat juga kes di mana

waris telah mendapat keputusan/perintah daripada agensi tertentu tetapi telah ditolak oleh agensi lain.


PINDAAN UNDANG-UNDANG HARTA PUSAKA

Bagi tujuan merealisasikan penambahbaikan ini para responden bersetuju bahawa beberapa pindaan kecil perlu dilakukan terhadap beberapa peruntukan dalam undang-undang Persekutuan dan negeri berkaitan dengan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam. Dalam konteks ini pindaan boleh dilakukan terhadap Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Berkenaan dengan Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Probet dan Pentadbiran 1959 ia telah memberi kuasa mutlak kepada agensi-agensi persekutuan seperti Seksyen Pusaka Kecil, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Tinggi Sivil untuk mengurus dan mentadbir harta pusaka orang Islam di Malaysia (Seksyen 4(1) APK1955 & Seksyen 77A APP 1959). Selain daripada itu Akta berkenaan termasuk Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri tidak mewajibkan rujukan dibuat secara terus kepada Mahkamah Syariah berkaitan isu perakuan waris.

Melalui soal selidik yang dilakukan sebanyak 73.1% responden yang sangat bersetuju bahawa akta berkenaan perlu dipinda, manakala 23.1% setuju dan 3.8% tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa sekiranya bidangkuasa Mahkamah Syariah hendak diperluaskan maka pindaan-pindaan tertentu perlu dilakukan ke atas akta tersebut. Statistik di bawah menunjukkan pernyataan responden terhadap pindaan kepada Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Akta Pusaka Kecil 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 perlu disemak dan dipinda semula dalam usaha untuk memperkemas pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Setuju	19	73.1	73.1	73.1
	Setuju	6	23.1	23.1	96.2
	Tidak Setuju	1	3.8	3.8	100.0
	Total	26	100.0	100.0	



Bagi memantapkan bidangkuasa Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) pindaan terhadap Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 perlu dilakukan. Ini terutamanya bagi memasukkan peruntukkan *wasi* seperti yang telah diamalkan di Sabah.

Namun terdapat beberapa kekangan yang perlu diberi perhatian. Menurut mantan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad, pindaan terhadap kuasa mahkamah syariah perlu diperhalusi kerana bidangkuasa mahkamah syariah negeri adalah tertakluk dalam negeri tersebut sahaja. Ini akan merumitkan proses bagi pentadbiran harta pusaka yang terletak dinegeri lain atau harta pusaka diluar negara. Tambahannya lagi, semenjak 1947, Bahagian Surat Kuasa Mati (Dulu dikenali sebagai Blue Card Section) telah wujud di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang menyimpan semua rekod permohonan Probet dan Surat Kuasa

Mentadbir. Carian akan dibuat di bahagian itu untuk untuk memastikan tiada pertindanan permohonan mengenai harta pusaka yang sama. Jika bidangkuasa ini dipindahkan kepada Mahkamah Syari'ah, ertinya setiap negeri akan menubuhkan Bahagian Surat Kuasa Mati. Pada pendapat beliau ini tidak perlu kerana bidangkuasa ini tidak melibatkan isu syari'ah, tetapi ia hanyalah isu pentadbiran semata-mata (Abdul Hamid Mohamad SUPPHI2014). Oleh itu cadangan pindaan terhadap bidangkuasa Mahkamah Syariah harus mengambilkira perkara-perkara di atas.

PROSEDUR PENGELUARAN SIJIL FARAID

Selain daripada pindaan kecil terhadap beberapa peruntukan undang-undang Persekutuan dan Negeri seperti dicadangkan di atas, terdapat juga cadangan supaya prosedur pengeluaran Sijil Faraid diperkemas. Ini kerana terdapat kritikan terhadap kelemahan Mahkamah Syariah dalam prosedur pengeluaran Sijil Faraid. Oleh itu prosedur yang jelas mengenai pengeluaran Sijil Faraid perlu diwujudkan dan ianya perlu diselaraskan diperingkat persekutuan. Melalui soal selidik sebanyak 69.2% responden sangat bersetuju bahawa untuk menjadikan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka menjadi lebih efisien prosedur pembahagian harta pusaka di setiap negeri perlulah diselaraskan. Statistik di bawah menunjukkan persetujuan responden terhadap penyelarasan prosedur di setiap negeri.

Penambahbaikan terhadap sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam Negara boleh dilakukan dengan melakukan penyelarasan terhadap prosedur pembahagian harta pusaka Islam di semua Negeri

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Setuju	18	69.2	69.2	69.2
	Setuju	7	26.9	26.9	96.2
	Tidak Setuju	1	3.8	3.8	100.0
	Total	26	100.0	100.0	

Penambahbaikan terhadap sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam Negara boleh dilakukan dengan melakukan penyelarasan terhadap prosedur pembahagian harta pusaka Islam di semua Negeri.



Prosedur pengeluaran Sijil Faraid yang jelas boleh mengelakkan daripada berlakunya pertindihan siasatan waris selain daripada meningkatkan integriti Mahkamah Syariah dalam pengurusan harta pusaka orang Islam di Malaysia.

MAHKAMAH PUSAKA

Terdapat juga cadangan agar suatu institusi khusus yang mengendalikan harta pusaka di Negara ini ditubuhkan. Institusi yang akan dikenali sebagai Mahkamah Pusaka itu akan mempunyai kedudukan seperti Mahkamah Industri – Puan Farah Nasihah Annuar, Mahkamah Tinggi Shah Alam. Mahkamah Pusaka akan menguruskan semua persoalan

mengenai harta pusaka termasuk harta pusaka bukan Muslim. Sehubungan dengan itu Mahkamah ini akan diberikan dua bidangkuasa iaitu Sivil dan Syariah bersesuaian dengan keperluan Undang-undang Malaysia yang mana Undang-undang Syariah hanya terpakai ke atas orang Islam dan undang-undang Sivil terpakai ke atas orang selain daripada orang Islam.


PUSAT SEHENTI PUSAKA MALAYSIA (ONE-STOP CENTER)

Salah satu masalah yang timbul dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia ialah kewujudan berbagai agensi yang menguruskan hal-ehwal harta pusaka. Kepelbagaian ini bukan sahaja menyukarkan ahli waris dalam membuat tuntutan tetapi juga memberi kesan terhadap tempoh pengurusan dan pembahagian harta pusaka orang Islam. Oleh itu suatu badan khusus yang bertindak sebagai penyelar kepada agensi berbeza ini perlu diwujudkan di peringkat persekutuan. Daripada soal selidik yang dibuat sebanyak 73.1% sangat bersetuju bahawa suatu badan khas diwujudkan bagi mengatasi masalah di atas, manakala 26.9% bersetuju dan 0% tidak bersetuju.

Penambahbaikan terhadap sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam Negara boleh dilakukan dengan mewujudkan suatu badan khas di peringkat persekutuan yang menjadi penyelar kepada seluruh Negeri di Malaysia

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Setuju	19	73.1	73.1	73.1
	Setuju	7	26.9	26.9	100.0
	Total	26	100.0	100.0	

Penambahbaikan terhadap sistem pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam Negara boleh dilakukan dengan mewujudkan suatu badan khas di peringkat persekutuan yang menjadi penyelar kepada seluruh Negeri di Malaysia.



Masyarakat awam khususnya memerlukan badan seumpama ini bagi memudahkan mereka membuat

tuntutan harta pusaka peninggalan simati. Oleh kerana untuk mewujudkan suatu badan khas mungkin akan mengambil masa serta melibatkan kos yang tinggi, maka kami mencadangkan agar sebuah pusat sehenti (*one-stop center*) ditubuhkan di setiap negeri. Melalui pusat sehenti ini semua agensi akan ditempatkan di bawah satu bumbung di mana ahli waris yang mempunyai masalah boleh merujuk kepada satu tempat sahaja. Selain daripada itu persoalan berkaitan ketidakseragaman prosedur, pertindihan kuasa dan *redundant* boleh dikurangkan melalui penubuhan pusat sehenti ini apabila pelaksanaannya diselaraskan di peringkat persekutuan. Menurut soal selidik yang dibuat

sebanyak 76.9% responden sangat bersetuju tentang perkara ini, manakala 23% bersetuju dan 0% tidak

bersetuju. Statistik persetujuan responden adalah seperti di bawah.

Isu pembahagian harta pusaka Islam perlu diselaraskan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Setuju	20	76.9	76.9	76.9
	Setuju	6	23.1	23.1	100.0
	Total	26	100.0	100.0	




waris kerana semua agensi terbabit akan berada di bawah satu bumbung manakala pelaksanaan tugas dan tanggungjawab akan diselaraskan oleh satu unit khas.

Dalam kajian kumpulan penyelidik responden mahu agar prosedur pembahagian harta pusaka orang Islam di peringkat negeri diselaraskan melalui jabatan atau badan seperti pusat sehenti. Dalam konteks ini hasil kajian menunjukkan sebanyak 73.1% sangat bersetuju atas cadangan ini, manakala 23.1% bersetuju dan 3.8% tidak bersetuju. Statistik di bawah menggambarkan kehendak responden mengenai perkara ini.

Penubuhan pusat sehenti ini diharapkan akan dapat menyediakan perkhidmatan terbaik kepada ahli

Prosedur pembahagian harta pusaka Islam perlu diselaraskan di peringkat negeri melalui satu jabatan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Setuju	19	73.1	73.1	73.1
	Setuju	6	23.1	23.1	96.2
	Tidak Setuju	1	3.8	3.8	100.0
	Total	26	100.0	100.0	




procedure (SOP) yang boleh digunakan oleh semua agensi terbabit juga perlu dibangunkan bagi merealisasikan penubuhan pusat sehenti ini. Tujuan SOP ini adalah untuk melicinkan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka Islam selain daripada mengelak berlaku pertindihan kuasa. Daripada kajian yang dijalankan sebanyak 73.1% responden sangat setuju bahawa suatu standard operating procedure dibangunkan, manakala 26.9% setuju dan 0% tidak bersetuju. Statistik di bawah menunjukkan pernyataan responden terhadap persetujuan mereka tentang keperluan SOP bagi memastikan pentadbiran dan pengurusan harta pusaka (faraid) dapat berjalan lancar.

Penubuhan pusat sehenti ini penting bagi tujuan penyelarasan ketidak seragaman undang-undang dan amalan yang wujud di kalangan agensi pusat dan negeri. Di samping itu suatu *standard oprating*

Satu Standard Operating Procedure (SOP) perlu dibangunkan dan diperjelaskan dengan terperinci supaya pengurusan faraid berjalan dengan lancar

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Setuju	19	73.1	73.1	73.1
	Setuju	7	26.9	26.9	100.0
	Total	26	100.0	100.0	

Satu standard operating procedur (SOP) perlu dibangunkan dan diperjelaskan dengan terperinci supaya pengurusan faraid berjalan dengan lancar.



Dengan kewujudan pusat sehenti ini juga banyak masalah rumit seperti kematian berlapis dapat diselesaikan dengan mudah. Ahli waris tidak perlu menanggung kos yang tinggi serta melibatkan

masa yang terlalu lama kerana semua agensi ditempatkan di bawah satu bumbung di mana mereka akan saling bekerjasama dalam menyelesaikan masalah waris. Walaubagaimana pun pihak berwajib juga perlu memberi perhatian terhadap keperluan sumber tenaga manusia yang cukup bagi memastikan penubuhan pusat sehenti ini mencapai objektifnya. Ini termasuklah kader-kader hakim dan pegawai pentadbir harta pusaka yang mahir serta berkebolehan dalam menguruskan hal-ehwal harta orang Islam. Melalui soal selidik yang dijalankan sebanyak 73.1% responden sangat bersetuju tentang perkara ini, manakala 26.9% bersetuju dan 0% tidak bersetuju. Statistik di bawah menunjukkan persetujuan responden tentang perkara ini.

Keberkesanan pentadbiran dan pengurusan faraid dipengaruhi oleh sumber tenaga manusia yang mencukupi dan berkemahiran

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Setuju	19	73.1	73.1	73.1
	Setuju	7	26.9	26.9	100.0
	Total	26	100.0	100.0	

Keberkesanan pentadbiran dan pengurusan faraid dipengaruhi oleh sumber tenaga manusia yang mencukupi dan berkemahiran.



KESAN SISTEM FEDERALISME

Permasalahan berkaitan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka orang Islam di Malaysia timbul daripada kesan penjajahan Inggeris ke atas tanah

Melayu. Kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu sekitar 1920-an telah merubah sistem pentadbiran Negara termasuk pentadbiran undang-undang apabila sistem federalisme diperkenalkan. Dengan pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri, aplikasi undang-undang Islam dihadkan kepada negeri berkenaan sahaja. Dalam hal ini, undang-undang pentadbiran dan pengurusan harta pusaka Islam juga terlibat.

Pada hari ini kerangka undang-undang pentadbiran dan pengurusan harta Islam di Malaysia dilihat tidak mampu menawarkan perkhidmatan terbaik kepada para waris. Ini kerana di bawah kerangka undang-undang terbabit bidangkuasa pentadbiran dan pembahagian harta pusaka Islam telah dibahagikan kepada beberapa agensi. Dengan kewujudan agensi berbeza ini ia bukan

sahaja mengelirukan orang awam tetapi juga boleh melambatkan proses pembahagian harta pusaka orang Islam. Bagi mengatasi masalah ini kajian ini telah dijalankan khusus untuk membuat cadangan penambahbaikan terhadap sistem sedia ada agar proses pembahagian harta pusaka dapat berjalan dengan lancar sekaligus mengurangkan masalah sosial dan ekonomi akibat daripada kelemahan sistem.

Daripada hasil yang diperolehi terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh diambil kira dan ini termasuklah mengembalikan semula kuasa mentadbir dan mengurus harta pusaka orang Islam kepada Mahkamah Syariah, membuat beberapa pindaan kecil terhadap peruntukan undang-undang Persekutuan dan negeri, menubuhkan Mahkamah Pusaka dan mewujudkan sebuah pusat sehati (*one-stop center*) bagi memudahkan para waris membuat tuntutan.

Namun, kumpulan penyelidik berpendapat cadangan penubuhan pusat sehati adalah pilihan terbaik dan lebih praktikal berdasarkan dua faktor. Pertama, ianya lebih mudah dan cepat berbanding pengembalian kuasa mentadbir dan menguruskan harta pusaka orang Islam kepada Mahkamah Syariah dan membuat pindaan terhadap undang-undang sedia ada. Ini kerana kedua-dua cadangan ini memerlukan kajian mendalam melibatkan Perlembagaan Persekutuan, sosio-politik dan sosio-budaya tempatan. Kedua, pusat sehati dimaksudkan merupakan sebahagian daripada semangat 'kerjasama federalisme' yang diamalkan di Malaysia. Oleh itu ia boleh dilaksanakan dengan mudah kerana ia merupakan kesinambungan kepada apa yang sedang dilaksanakan sekarang.

PUSAT SEHENTI HARTA PUSAKA DALAM KERJASAMA FEDERALISME

Pusat sehati harta pusaka adalah suatu pusat yang akan menempatkan agensi-agensi seperti Amanah Raya Berhad, Pejabat Pusaka Kecil, Mahkamah Tinggi Sivil dan Mahkamah Syariah dalam menjalankan tugas mereka sebagai pengurus, pentadbir, pemutus dan pembahagi harta pusaka. Di bawah pusat sehati ini akan ada dua saluran tuntutan harta pusaka; pertama harta pusaka bukan Islam, dan kedua, harta pusaka Islam. Tugas dan tanggungjawab agensi ini akan diselaraskan melalui satu SOP khusus dibangunkan khusus bagi tujuan panduan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Bagi maksud penubuhan pusat

tersebut, keanggotaannya perlulah meliputi beberapa wakil dari kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Pelaksanaan pusat sehati ini dianggap mudah kerana pada hakikatnya keempat-empat agensi ini saling bantu-membantu antara satu sama lain ketika menjalankan tugas masing-masing.

Selain itu penubuhan pusat sehati diharap akan dapat mengatasi isu-isu seperti:-

1. Ahli waris tidak tahu ke mana hendak pergi untuk menyelesaikan masalah mereka.
2. Birokrasi/persoalan bidangkuasa agensi harta pusaka di mana kadangkala ahli waris terpaksa pergi ke tempat lain setelah merujuk kes mereka ke sesuatu tempat.
3. Ketidakteraturan dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab agensi harta pusaka.
4. Tempoh pengurusan dan pentadbiran serta kos tuntutan harta pusaka si mati.

Penubuhan pusat sehati tidak sukar dilaksanakan kerana pada hakikatnya pentadbiran dan pembahagian harta pusaka Islam di Malaysia dibuat di bawah satu sistem perkongsian kuasa antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Dalam konteks ini Mahkamah Tinggi, Unit Pembahagian Pusaka dan Amanah Raya Berhad akan mempunyai kuasa penuh terhadap pentadbiran dan pembahagian harta pusaka Islam manakala Mahkamah Syariah mempunyai kuasa nasihat dan pemutus terhadap isu-isu Syariah yang timbul. Walau bagaimanapun dari segi amalan kedudukan mahkamah Syariah adalah merupakan sebahagian dan pelengkap dalam sistem sedia ada. Ini kerana semasa mentadbir dan membahagikan harta pusaka Islam sudah tentu ia akan melibatkan isu Syariah terutamanya penentuan waris dan kadar pewarisan. Oleh itu Mahkamah Syariah adalah pelengkap terhadap sistem pentadbiran dan pembahagian harta pusaka Islam di Malaysia.

Prinsip kerjasama ini haruslah diteruskan dan diberi keutamaan di mana kedua-dua pihak saling bantu membantu antara satu sama lain bagi tujuan melicinkan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia. Tidak dinafikan bahawa dalam sesebuah kerajaan Persekutuan akan wujud percanggahan kepentingan di antara negeri-negeri dan kerajaan pusat dalam beberapa perkara. Percanggahan ini disebut sebagai *competitive federalism* atau federalisme bersaing yang mana kedua-dua peringkat kerajaan tidak dapat bekerjasama dalam mencapai suatu hasrat nasional oleh sebab kerajaan-kerajaan negeri masih

berpegang kuat kepada *state parochialism* atau kepentingan negeri yang sempit. Keadaan ini jika dibiarkan pasti akan memusnahkan tujuan utama sesuatu persekutuan dibentuk. Untuk mengatasi atau mengelak dari terjadinya persaingan di antara negeri dan pusat, semangat kerjasama harus disemai dan digalakkan. Semangat kerjasama ini disebut *co-operative federalism* atau kerjasama dalam persekutuan. Corwin (1953) mentakrifkan kerjasama ini sebagai, negeri-negeri yang bersekutu dan kerajaan pusat adalah dua bahagian yang saling bergantung dalam satu jentera kerajaan yang mana menggunakan kuasa-kuasanya bagi mencapai tujuan-tujuan kerajaan'. Manakala M.P. Jain (1970) pula menyatakan bahawa kerajaan-kerajaan dalam persekutuan mestilah bertindak bersama bukan bertelagah supaya kebajikan awam dapat dicapai sepenuhnya.

KESIMPULAN

Dalam konteks pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia, perlembagaan Persekutuan telah membuat peruntukan yang cukup untuk mewujudkan dan menggalakkan kerjasama di antara agensi negeri (Mahkamah Syariah) dan agensi-agensi Pusat (Mahkamah Tinggi Sivil, Pejabat Pusaka Kecil dan Amanah Raya Berhad). Prinsip kerjasama negeri dan persekutuan haruslah diteruskan dan diberi keutamaan di mana kedua-dua pihak saling bantu membantu antara satu sama lain bagi tujuan melicinkan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia. Bagi tujuan penyelarasan Dewan Negara merupakan satu landasan bagi negeri-negeri mendapat penglibatan secara langsung dalam proses perundangan di peringkat nasional. Tiap-tiap negeri dan Wilayah Persekutuan diberi peluang memilih dua orang wakilnya untuk menganggotai Dewan Negara. Pada amnya penglibatan Dewan Negara dalam proses perundangan di peringkat nasional ini sangat bermakna sungguhpun pada hakikatnya dalam keadaan-keadaan tertentu, Dewan Rakyat boleh bertindak tanpa penglibatan Dewan Negara. Sehubungan dengan itu ahli parlimen yang dilantik mestilah memainkan peranan penting bagi mewujudkan kerjasama ini.

RUJUKAN

Al-Amidi, Ali ibn Muhammad. 2003. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. jil. 4, hlm. 195. Riyadh: Dar al-Shamie.

- Al-Mashni, Manal Mahmud. 1432H/2011. *al-Sharh al-Wafi Li Ahkam al-Tirkat wa al-Mawarith*. Oman: Dar al-Thaqafah.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq ibn Muhammad al-Lakhmi al-Gharnati. t.th. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Kairo: Mustafa Muhammad.
- Bakhit, Mahmud Abd. Allah & al-Ula, Muhammad 'Aqluh. 1431H/2010. *al-Wasit fi Fiqh al-Mawarith*. Oman: Dar al-Thaqafah.
- Battaglia, M. 2008. Non probability sampling. Dlm. *Encyclopedia Of Survey Research Methods*, disunting oleh P. Lavrakas, 524-527. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Bowen, G. A. 2009. Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 27-40.
- Corbin, J.M. & Strauss, A. 2008. *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. 3rd edition. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Hamzah Ghazalli. 2004. Penggunaan IT dalam pengurusan pembahagian pusaka – Pengalaman Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Dlm. *Pentadbiran dan Pengurusan Harta Pusaka dalam Era Teknologi Maklumat dan Komunikasi*, disunting oleh Abd. Rahni MT. Piah & Ahmad Ab. Majid, 24-37. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Hasiah Kasah. 2015. Undang-undang pentadbiran dan pengurusan harta pusak Islam di Malaysia (Harta Pusaka Kecil), Putrajaya. Temu bual, 16 Januari.
- Jasni Sulong. 2011. *Pembaharuan Undang-Undang Pentadbiran Pusaka Islam*. Pulau Pinang: Penerbit USM
- Kamus Dewan. 2002. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2004. *Sejarah Pembinaan Huklum Islam*. Cet. ke-6. Kaula Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Md Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim. 2006. Kekangan statut ke atas bidang kuasa mahkamah syariah dalam pentadbiran harta orang-orang Islam di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 151-166.
- Merriam, S. B. 1988. *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Merriam, S. B. 2002. *Qualitative Research in Practice*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. 1994. *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*. 2nd edition. Thousand Oaks, Calif: Sage.
- Md Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim. 2006. Kekangan statut ke atas bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam pentadbiran harta orang-orang Islam di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 151-166.

- Mohd Borhanuddin Zakaria & Juairiah Hasan. 2012. Keadilan dalam undang-undang pusaka Islam. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 6(2).
- Mohd Ridzuan Awang. 2008. Wasiat kepada ahli waris menurut pandangan fuqaha dan kedudukannya di negara-negara Islam. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2(1).
- Mohd Zamro Muda, Wafaa' Yusof & Zamhuri Zakaria. 2006. Konsep harta dan kepentingan pengurusannya menurut perspektif Islam. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 1-14.
- Mohd Zamro Muda & Sureizai Arshad. 2006. Pengurusan dan tuntutan harta pusaka besar (biasa) orang Islam di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm 359-374.
- Siti Mashitoh Mahamood. 2006. Bidang kuasa pentadbiran harta pusaka di Malaysia: Perspektif perundangan syariah dan sivil. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 113-130.
- Sultan, Salah. 1427H/2006. *al- Mirath wa al-Wasiah, bayn al-Shariah wa al-Qanun*. USA: Sultan Publishing.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. 2006. *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahaya, Mohammad Zaini & Samsudin, Muhammad Adib. 2006. al-Ahliyyah (Kelayakan) Dalam Pengurusan Harta. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, hlm. 15-26.
- Zahari Mahad Musa & Jasni Sulong. 2013. *Kes-Kes Faraid Khas: Huraian dan Penyelesaiannya*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Suhaimi Ab Rahman (corresponding author)
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
Email: suhaimiabrahman@yahoo.co.uk
- Rasyikah Md Khalid
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor
Email: rasyikah@ukm.edu.my
- Abu Bakar Jaafar
Akademi Pengajian Islam Kotemporari
Universiti Teknologi Mara Pahang (Cawangan Jengka)
26400 Bandar Tun Razak, Pahang
Email: drabubakar@uitm.edu.my

Received: 10 April 2018

Accepted: 10 June 2019

